

29 SEP 2001

NAJIB SEDIA BANTU KENDALIKAN UMNO PAHANG

PEKAN, 29 Sept (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak, yang dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pahang hari ini menyatakan kesediaannya untuk membantu mengendalikan Umno negeri itu.

"Saya sedia membantu Datuk Seri Adnan Yaakob selaku Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pahang dalam mengendali dan memantau keadaan politik di Pahang," katanya kepada pemberita selepas merasmikan sukaneka di Kampung Marhum di sini.

Beliau menyifatkan pelantikan itu bagi membolehkannya membantu perjalanan Umno Pahang selain meneruskan usaha pucuk pimpinan parti memperkukuhkan Umno negeri ini.

Semalam, Presiden Umno Datuk Seri Mahathir Mohamad mengumumkan pelantikan Najib bagi menggantikan Tan Sri Khalil Yaakob yang diperlukan untuk memberi tumpuan sepenuh masa sebagai Setiausaha Agung Umno.

Najib berkata, beliau percaya selaku Setiausaha Agung Umno, Khalil akan memberikan sumbangan besar bukan sahaja kepada perjalanan Umno keseluruhannya, tetapi juga negeri Pahang sendiri.

Najib, yang juga Menteri Pertahanan, adalah Ketua Umno Bahagian Pekan dan Anggota Parlimen Pekan.

-- BERNAMA

ROS ZB